

PM Rasmi Pusat Transformasi Bandar Pertama Negara Di Melaka 23 Jun
Bernama
17 Mei, 2012

MELAKA, 17 Mei (Bernama) -- Pusat Transformasi Bandar (UTC) di Wisma Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI), pusat khidmat bersepadu untuk memproses permohonan pengeluaran sijil halal, di Jalan Hang Tuah di sini, akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada 23 Jun.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata menerusi pusat khidmat itu, semua permohonan pengeluaran sijil halal boleh dikeluarkan dalam tempoh seminggu, atau 24 jam jika perlu.

"Masih ramai pengusaha restoran atau mereka yang terlibat dalam industri halal, mengeluh kerana terpaksa menunggu lama untuk mendapatkan sijil halal.

"Sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan, fungsi dan tugas kita ialah memudahkan urusan permohonan dan bukannya menyulitkan mereka untuk pengeluaran sijil, katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Himpunan Usahawan Kecil dan Mikro - Seminar Pensijilan Halal Malaysia dan Bengkel Pembungkusan dan Penjenamaan di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), di Ayer Keroh, di sini Khamis.

Seminar anjuran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan SME Corp itu dihadiri lebih 100 pengusaha PKS di negeri ini.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=666958>